

IQRA'



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقرآن

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



4

*Penandaaran Perpustakaan
Universitas Pendidikan
Indonesia (UPI)*

5

*Kunjungan Hormat ke Pejabat
Kursi Raja-Raja Melayu UiTM
Shah Alam*

8

LIVE HD
*Live@PTAR Program Bicara
Pakar: "The Changing Land-
scape in Higher
Education"*

18

LIVE HD
*Live@PTAR Siri 1:
"Bibliometrics For Librarian
And Journal Writing"*




23

LIVE HD
*Live@PTAR UCM Siri 1 Segmen
Bersama Pakar Revolusi Digital:
Isu dan Cabaran Penulis
Kontemporari*

BULETIN*Disediakan oleh : Muhammad Shafiq Snin*


PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah mengambil inisiatif berkongsi ilmu dan maklumat secara atas talian memandangkan kebanyakan warga UiTM kini menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran secara Online and Distance Learning dengan memberikan Taklimat Perkhidmatan Digital PTAR.

Taklimat disampaikan bermula jam 2.30 petang hingga 4.30 petang dan dihadiri oleh sebilangan pensyarah dan staf. Seramai 44 orang peserta terlibat mengikuti taklimat yang telah dijalankan iaitu 10 orang dari Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, 4 orang dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, 8 orang dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, 2 orang dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik, 6 orang dari Akademi Pengajian Bahasa serta 14 orang dari Bahagian Perpustakaan Tun Abdul Razak. Taklimat disampaikan oleh Cik Hazlin Ibrahim Khan Pustakawan Kanan dan dibantu oleh Puan Roslinah Harun Pembantu Pustakawan Kanan.



TAKLIMAT VALIDASI PENYELIDIKAN PRISMA UiTM CAWANGAN MELAKA

23 FEBRUARI 2021

BULETIN*Disediakan oleh : Muhammad Shafiq Snin*

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Melaka dengan kerjasama PTAR UiTM Shah Alam dan Research Management Center (RMC) UiTM telah mengadakan taklimat dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari.

Tujuan taklimat ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan metada penerbitan berindeks dan tidak berindeks yang disampaikan oleh Encik Mohd Ismail Abidin, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Shah Alam. Selain itu, taklimat ini turut membincangkan proses semakan dan validasi penerbitan yang disampaikan oleh Puan Siti Rohayu Mohd Yusof, Pustakawan Kanan PTAR UiTM Shah Alam dan diakhiri dengan sesi soal jawab. Taklimat ini telah dijalankan secara atas talian melalui aplikasi webinar cisco webex dan dihadiri oleh sebilangan pensyarah yang melakukan penyelidikan.